

PROGRAM SUMBANGAN FOOD BANK YAPEIM KEPADA PELAR PSP

9 Disember - Seramai 250 orang pelajar Politeknik Seberang Perai (PSP) yang tinggal di dalam kampus menerima bantuan bekalan makanan (Ready To Eat) hari ini.



Program Foodbank ini merupakan program kerjasama antara Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) Utara dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Politeknik Seberang Perai. Program ini merupakan salah satu inisiatif pihak YaPEIM dalam usaha untuk membantu meningkatkan sosioekonomi ummah khususnya para pelajar dari kumpulan keluarga B40. Semua pelajar yang telah menerima bantuan ini berasa gembira kerana bantuan ini secara tidak langsung dapat meringankan beban mereka ketika di kampus.

Terima kasih kepada Pihak YaPEIM atas bantuan ini. Terima kasih kepada Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Shuhaimi Samanol dan kakitangan JHEP PSP serta MPP yang telah mengelola dan menjalankan kerja-kerja pengagihan bantuan bekalan makanan yang dibuat di Kafetaria mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

